

HUSAIN & ABDUL RAHIM HAMDAN

Orientasi Kurikulum dan Konsepsi Pengajaran Fizik Berkesan dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan

RESUME: Kurikulum merupakan salah sebuah komponen yang sangat menentukan dalam satu sistem pendidikan, kerana kurikulum merupakan alat untuk mencapai matlamat pendidikan dan sebagai petunjuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pada semua peringkat pendidikan. Sistem pendidikan di Indonesia, dimulakan tahun 2006, telah menjalankan satu model kurikulum dengan apa yang dikenali sebagai KTSP (Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar dan kelayakan akademik. Satu set soal selidik digunakan untuk mengumpulkan maklumat mengenai orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran dari sampel sebanyak 101 guru Fizik SMAN (Sekolah Menengah Atas Negeri) di Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Dapatan kajian yang diperolehi melalui min dan analisis ANOVA dengan menggunakan SPSS 17. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap orientasi kurikulum daripada guru dengan pengalaman mengajar lebih 15 tahun diperolehi paling tinggi dan tahap konsepsi pengajaran pula diperolehi tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara tahap orientasi kurikulum pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar, tetapi tidak dengan kelayakan akademik; serta wujud pula perbezaan yang signifikan antara tahap konsepsi pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar, tetapi tidak dengan kelayakan akademik.

KATA KUNCI: Model kurikulum, subjek Fizik, guru sekolah menengah, pengalaman mengajar, kelayakan akademik, dan keberkesanan pendidikan.

ABSTRACT: "Curriculum Orientation and Conception of Effective Teaching the Physics in the School-Based Curriculum". Curriculum is one of the crucial components in the education system, because the curriculum is a tool to achieve educational goals and as an indicator of teaching and learning at all levels of education. The education system in Indonesia, initiated in 2006, has carried out a model curriculum to what is known as KTSP (School-Based Curriculum). This study aims to identify the curriculum orientation and the teaching conception of Physics based on the teaching experience and academic qualifications. A questionnaire was used to collect information about the orientation of the curriculum and teaching conception of a sample of 101 teachers of Physics at SMAN (Public Senior High School) in Makassar, South Sulawesi, Indonesia. The results obtained by the mean and ANOVA analysis using SPSS 17. Findings showed that the curriculum orientation of teachers with teaching experience over 15 years is earned highest and the level of teaching conception also involved high. The study also found that there were significant differences between the orientation of Physics teaching curriculum based on teaching experience, but not with academic qualifications; and there was significant difference between the level of Physics teaching conception based on teaching experience, but not with academic qualifications.

KEY WORD: Model of curriculum, Physics, high school teacher, teaching experience, academic qualifications, and effectiveness of education.

PENDAHULUAN

Kurikulum merupakan salah satu komponen yang sangat menentukan dalam suatu sistem pendidikan, kerana kurikulum merupakan alat untuk mencapai

tujuan pendidikan dan sebagai petunjuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pada semua peringkat pendidikan. Sistem pendidikan di Indonesia, sejak tahun 2006, telah menjalankan sebuah model kurikulum

Husain ialah Pelajar Program Doktor di Fakulti Pendidikan UTM (Universiti Teknologi Malaysia), Skudai, Johor, Malaysia; dan Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Hamdan ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, Johor Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: husedisma22@gmail.com

dengan apa yang dikenali sebagai KTSP (Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan). Badan Standard Nasional Pendidikan (BSNP) pula menyatakan bahawa Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) ialah kurikulum operasional yang disusun dan dijalankan oleh guru pada satuan pendidikan. Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan terdiri daripada tujuan pendidikan, struktur dan kandungan kurikulum, kalendar pendidikan, dan silabus (BSNP, 2006a).

Dalam KTSP, kualiti pengajaran guru merujuk kepada proses dan hasil pembelajaran yang mencorakkan pencapaian murid dan kemajuan sekolah amnya. Kualiti pengajaran bergantung pada latarbelakang guru, seperti pengalaman mengajar, kelayakan akademik, latihan, kepakaran, pengetahuan pengurusan kurikulum, penggunaan media pembelajaran, inovasi pengajaran, dan strategi pengajaran. Kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi guru di sekolah merupakan satu aspek yang diberi penekanan oleh kerajaan, kerana guru merupakan pelakon utama dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, guru juga memainkan peranan yang penting sebagai pendidik dan pengajar dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Manakala konsepsi pengajaran adalah istilah yang biasa digunakan dalam pelajaran dan pendidikan untuk merujuk kepada pandangan keseluruhan guru dalam proses pengajaran (Kember, 1997). Konsepsi pengajaran bertindak sebagai satu rangka kerja dalam mentafsir dan berinteraksi dengan persekitaran pengajaran (Pratt, 1992). Konsepsi seorang guru juga dianggap boleh menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang mempengaruhi kualiti hasil pembelajaran murid (Kember & Gow, 1994; dan Trigwell, Prosser & Waterhouse, 1999).

Perkara-perkara dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik di sekolah telah dikenal pasti dan dibincangkan secara meluas dalam seminar-seminar, bengkel-bengkel, dan simposium-simpodium mengenai

strategi pengajaran, kualiti pengajaran, dan penggunaan media pengajaran. Setengah-setengah pihak menganggap bahawa masalah ini merupakan satu perkara yang lazim dihadapi oleh sebahagian guru dalam menyampaikan kandungan pelajaran. Perkara ini dapat dilihat daripada hasil peperiksaan Fizik SMA (Sekolah Menengah Atas) di Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia yang diperolehi dalam mata pelajaran Fizik, iaitu min tertinggi 6.87 dan min terendah 5.75 (BSNP, 2010; dan Disdik Kota Makassar, 2011).

KENYATAAN MASALAH

Daripada pembangunan kurikulum adalah proses mengenal pasti, analisis, sintesis, kawalan, pengambilan keputusan, dan kreativiti dalam elemen-elemen kurikulum. Dalam proses pembangunan reka-bentuk kurikulum boleh diberlakukan dalam keadaan efektif dan efisien, maka pembangunan kurikulum harus melihat isu kurikulum. Dengan merujuk daripada isu kurikulum tersebut, produk dari aktiviti pembangunan kurikulum diharapkan sesuai dengan hasrat masyarakat dan pembangunan semasa. Oleh itu, reka-bentuk kurikulum adalah penting, kerana disedari bahawa isu kurikulum pendidikan di Indonesia belum menjawab cabaran dan perkara-perkara yang wujud di masyarakat.

Manakala sokongan masyarakat terhadap sekolah dalam merancang kurikulum juga masih rendah. Kepahaman rancangan kurikulum ini berlaku kerana rendahnya pengenalan mengenai kurikulum kepada masyarakat juga sangat rendah. Natiujahnya, semua persoalan ini diserahkan kepada sekolah dan akibatnya keterlibatan masyarakat atau ibu bapak menjadi sangat rendah. Dalam perkara lain, masyarakat yang tertutup terhadap pelbagai inovatif akan mengahambat implementasi kurikulum.

Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) telah dibincangkan mengenai rancangan kurikulum, iaitu mengenai orientasi kurikulum. Seterusnya, orientasi kurikulum adalah salah satu petunjuk untuk mengesahkan falsafah

yang menyokong dalam mereka-bentuk kurikulum (Cheung & Wong, 2000 dan 2002; dan Jenkins, 2009). Orientasi kurikulum yang dianggap oleh ramai guru dibincangkan di sekolah mampu menghubungkan bagaimana mengatasi masalah dalam merancang kurikulum, bahan pembelajaran, kandungan kursus, dan sokongan masyarakat dalam merancang kurikulum dan kemahiran.

Kurikulum akademik ini adalah orientasi yang tertua dan yang paling ramai digunakan dalam kurikulum sains dan berorientasi kandungan. Penyokong orientasi ini adalah rasionalisme akademik bahawa kurikulum harus berasaskan gedung ilmu yang telah membolehkan manusia untuk memajukan sekolah (Klein, 1986). Kurikulum sebagai proses kognitif ini berbeza dengan orientasi akademik, yang mana orientasi kognitif ini mengambil berat daripada proses dan bukannya kandungan. Oleh itu, orientasi kurikulum ini menekankan kepentingan membangunkan kefahaman asas dan keupayaan dalam menggunakan kaedah penyiasatan saintifik; dan proses orientasi kognitif juga adalah berasaskan induktif empirisme pandangan sains (Finley, 1983).

Kurikulum berorientasi masyarakat sosial pula menyatakan bahawa kurikulum sekolah sebagai asas untuk memudahkan perubahan sosial. Penyokong kurikulum yang berfokus kepada masyarakat percaya bahawa sains sekolah telah bermakna hanya dalam konteks sosial (George, 1981). Manakala orientasi kurikulum kemanusiaan adalah kurikulum berasaskan psikologi kemanusiaan (Bybee & Walch, 1972). F.J. Rutherford pula menyatakan bahawa orientasi kurikulum kemanusiaan ini mesti memenuhi tiga kriteria, iaitu: kandungan kursus perlu membuat kaitan dengan kemanusiaan, ianya mesti memberi tumpuan kepada faktor manusia dalam bidang sains, dan kursus itu sendiri mesti berasaskan sikap murid yang diajar (Rutherford, 1972).

Orientasi kurikulum teknologi mempercayai bahawa teknologi seperti perubatan, pengangkutan, pembinaan,

komunikasi, dan lain-lain harus menjadi penyambung antara sains dan masyarakat. D.A. George (1981) menyatakan bahawa kesan sains dalam kehidupan dirasai melalui teknologi, dan bukannya secara terus melalui sains tulen. Guru yang mahir dalam penggunaan teknologi percaya bahawa murid-murid yang cemerlang mesti mempelajari sains melalui pengajaran konsep-konsep sains dalam konteks teknologi (Dreyfus, 1987). Seterusnya, terdapat pelbagai konsepsi pengajaran yang dapat mempengaruhi seorang guru dalam mengajar, iaitu tentang keputusan dan tindakan serta sikap murid selama proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Trigwell & Prosser, 1991; Pratt, 1992; Gow & Kember, 1993; Kember & Gow, 1994; dan Prosser, Trigwell & Taylor, 1994).

OBJEKTIF, KEPENTINGAN, DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau beberapa faktor yang menentukan orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran Fizik dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) iaitu: (1) Menentukan perbezaan orientasi kurikulum pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar dalam KTSP; (2) Menentukan perbezaan orientasi kurikulum pengajaran Fizik berasaskan kelayakan akademik dalam KTSP; (3) Menentukan perbezaan konsepsi pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar dalam KTSP; dan (4) Menentukan perbezaan konsepsi pengajaran Fizik berasaskan kelayakan akademik dalam KTSP.

Secara umum, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang dapat dijadikan panduan oleh guru Fizik dalam usaha berterusan untuk memahami orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran Fizik, iaitu untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pencapaian belajar Fizik di Sekolah Menengah Atas (SMA). Kajian ini pula diharap dapat membantu pihak-pihak yang terbabit secara langsung, antara lain Dinas Pendidikan Daerah Makassar, guru Fizik, dan masyarakat yang berkaitan dengan orientasi kurikulum dan

konsepsi pengajaran fizik.

Oleh itu, kajian ini akan menentukan secara langsung kaitan orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran Fizik. Seterusnya, kajian ini juga dijangkakan berupaya memberi idea dan *input* bukan sahaja kepada guru Fizik malah kepada semua pihak, sama ada peringkat sekolah mahupun pengetua sekolah.

Skop kajian ialah untuk mengetahui elemen-elemen yang mempengaruhi orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar dan kelayakan akademik dalam KTSP. Kaedah pemilihan sampel kajian ini berasaskan kepada guru Fizik yang berpengalaman dan berkelayakan akademik. Sampel juga diambil daripada guru Fizik yang berkhidmat di SMAN (Sekolah Menengah Atas Negeri) di Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia, seramai 101 orang guru Fizik.

SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN

Keterkaitan suatu kurikulum dengan pembelajaran digambarkan dalam beberapa model, iaitu model dualistik (*the dualistic model*), model berkaitan (*the interlocking model*), model konsentris (*the concentric model*), dan model kitaran (*the ciclical model*). Model dualistik memandang bahawa antara kurikulum dan pembelajaran sebagai sesuatu yang berasingan. Kurikulum yang seharusnya sebagai *input* dan pedoman menata pembelajaran, serta pembelajaran yang seharusnya sebagai balikan dalam proses penyempurnaan tidak tampak. Model berkaitan memandang antara kurikulum dan pembelajaran sebagai suatu sistem yang berhubungkait dengan kurikulum dan pengajaran serta ada bahagian-bahagian yang berhubungkait (Tyler, 1950; dan Criswell, 1989).

BSNP (Badan Standard Nasional Pendidikan) di Indonesia menyatakan bahawa pelaksanaan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) menunjukkan bahawa kaitan kurikulum dan pembelajaran juga mengikuti model siklik atau kitaran. Kepelbagaian agama, potensi dan ciri-ciri daerah dan persekitaran, kecerdasan dan

minat, tuntutan dunia kerja, jantina, serta perkembangan global mempengaruhi model dan strategi pembelajaran yang dibangunkan masing-masing satuan pendidikan. KTSP mengandungi tiga komponen, iaitu: (1) tujuan pendidikan tingkat satuan pendidikan; (2) struktur, kandungan, dan kalendar pendidikan; serta (3) silabus dan pelan pelaksanaan pembelajaran (BNSP, 2006b).

R. Slavin (1987 dan 1994) telah membina model pengajaran berkesan yang memberi penekanan hanya kepada faktor pengajaran guru sahaja. Mengikut R. Slavin (1994), terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu: kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*), dan masa (*time*).

Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran, konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh murid, mudah diingat, dan menyeronokkan murid. Oleh itu, guru perlu menyampaikan kandungan pengajaran secara tersusun dan sistematik, menggunakan bahasa yang jelas dan mudah, penerangannya yang jelas, dan memberi contoh-contoh yang berkaitan (Land, 1987). Penekanan kepada kandungan-kandungan penting dan pelajaran itu cuba dikaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman murid yang lalu dan yang sedia ada, serta menggunakan bahan bantu mengajar bagi membantu menerangkan sesuatu konsep (King & Menke, 1992). Selain itu, objektif pelajaran hendaklah jelas dan khas, kandungan ialah mencukupi dan pada akhir sesuatu pelajaran, guru perlu mengadakan penilaian atau peperiksaan (Eisner, 2002).

KTSP merangkumi aspek kognitif, psikomotor, dan afektif yang memenuhi keperluan asas intelektual, emosi, dan jasmani modal insan yang ingin dibangunkan. Kurikulum yang direka-bentuk dengan baik akan membantu dan memandu serta mempengaruhi proses pendidikan yang berkualiti dan dapat dilaksanakan, sama ada di sekolah am mahupun di sekolah khas. E.W. Eisner

& E. Vallance (1971) menyatakan ada lima orientasi kurikulum yang boleh digunakan untuk memahami pendekatan, penggunaan, dan kepentingan kurikulum, iaitu: perkembangan proses kognitif, kurikulum sebagai teknologi, kurikulum sebagai pengalaman pengguna, menstruktur masyarakat, dan akademik rasionalisme.

Seterusnya, orientasi kurikulum adalah salah satu daripada banyak petunjuk untuk mengesahkan sokongan dalam reka-bentuk kurikulum (Cheung & Wong, 2000 dan 2002; dan Jenkins, 2009). Menurut E. Eisner (2002), tanpa kefahaman mengenai korelasi dan faktor-faktor yang mempengaruhi orientasi kurikulum, ianya akan sukar untuk membincangkan kerumitan perbezaan orientasi kurikulum dilihat oleh pendidik dalam kurikulum yang mereka bentuk. Seterusnya, orientasi kurikulum akan mempengaruhi pilihan pendidik dalam melaksanakan kurikulum dan dasar pendidikan (Cunningham, Johnson & Carlson, 1992; dan Jenkins, 2009). Manakala dalam asas falsafah, nilai, dan kepercayaan kurikulum, orientasi bukan sahaja mempengaruhi apa yang diajarkan, tetapi juga mengapa dan bagaimana diajar (Eisner, 2002; dan Cameron, Dutton & Quinn, 2003).

Istilah "konsepsi", apabila digunakan secara bersendirian dalam kajian ini, merujuk kepada takrifan yang diberikan oleh D.D. Pratt (1992), yang mana beliau menyatakan bahawa konsepsi adalah pengertian yang spesifik berkenaan sesuatu fenomena tersebut. Kita membentuk konsepsi hampir semua aspek dalam dunia berasaskan persepsi kita dengan menggunakan gambaran abstrak untuk membezakan dan membandingkan sesuatu, serta menghubungkaitkannya kepada aspek-aspek lain dalam dunia kita.

Konsepsi pengajaran dilihat sebagai kategori yang berbeza bersabit idea para guru di sebalik penerangan dan bagaimana mereka mengalami proses pengajaran (Pratt, 1992). Berasaskan pandangan ini, konsepsi pengajaran telah dikenal pasti oleh ramai penyelidik, umpamanya L. Gow & D. Kember (1993); D. Kember & L. Gow (1994); M. Prosser, K. Trigwell & P. Taylor (1994); K.

Trigwell, M. Prosser & F. Waterhouse (1999); dan L. Gao & L. Watkins (2002).

KAEDAH DAN INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan bagi menentukan orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran Fizik dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP). Dalam bentuk kajian tinjauan ini, pendekatan yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data daripada guru Fizik. Kaedah kuantitatif digunakan kerana dianggap lebih tepat, objektif, dan bertujuan (Fraenkel & Wallen, 1996; Tucman, 1998; dan Ary *et al.*, 2009).

Seterusnya, reka-bentuk kajian ini adalah deskriptif. Menurut Mohd Majid Konting (2000), kajian deskriptif dilakukan bagi menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dengan menganalisis data yang diperolehi melalui instrumen tertentu, seperti soal selidik. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak, dan sebagainya (Idid, 1998; dan Sugiono, 2006). Dalam kajian ini, satu set soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian daripada responden.

Sampel dalam kajian ini adalah semua populasi. Mengenal pasti populasi merupakan perkara penting, kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpul. Populasi mestilah ditentukan dan dikaji dengan teliti agar keputusan kajian yang dipilih berkesan (Abdul Gafar, 2009). Dalam pengambilan sampel dengan kaedah kuantitatif adalah seluruh responden seramai 101 guru Fizik, yang berkhidmat daripada 22 SMA (Sekolah Menengah Atas) di daerah Kota Makassar; dan ini sesuai dengan pendapat Mohd Najib Abdul Gafar (2009), yang menyatakan bahawa persampelan boleh dilakukan dengan mengambil seluruh populasi.

Dalam kajian pendidikan, J.R. Fraenkel & N.E. Wallen (1996) menyatakan bahawa kaedah yang paling umum digunakan adalah tinjauan. Kajian yang menyatakan

bahawa kaedah paling sesuai yang digunakan mengikut pandangan penyelidik ialah tinjauan, kerana terdapat banyak kelebihan mengenai penggunaan kaedah tinjauan. Di antaranya ialah ia amat berguna untuk mengukur pendapat, sikap, dan tingkah-laku (Champion, 1991; Creswell, 2008; dan Ary *et al.*, 2009).

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik. Soal selidik terdiri dari satu bentuk format yang memuat latar belakang responden dan orientasi kurikulum, konsepsi pengajaran guru Fizik dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP). Soal selidik dibina sendiri oleh penyelidik berasaskan konstruk dari orientasi kurikulum, konsepsi pengajaran dan konsepsi pengajaran Fizik berkesan, dan soalan-soalan temu bual separa berstruktur yang dikembangkan dari soal selidik. Prosedur utama adalah, pada awalnya, untuk mengumpulkan data kuantitatif pada orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran, pengajaran Fizik berkesan dalam KTSP, dan kaedah kualitatif dengan menggunakan temu bual (Gay, 2006; dan Creswell, 2008).

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terbagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A, soal selidik mengandungi soalan-soalan tujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan latar belakang guru dalam memastikan responden yang dipilih benar-benar memenuhi kriteria. Maklumat daripada latar belakang adalah penting, kerana ia merupakan satu daripada pemboleh ubah dalam kajian ini (Eisner, 1992; dan Chua, 2009); matlumat tersebut adalah pengalaman mengajar dan kelayakan akademik.

Bahagian B adalah orientasi kurikulum, yang terdiri daripada lima komponen, iaitu: orientasi pada perkembangan proses kognitif, orientasi kurikulum sebagai teknologi, orientasi kurikulum sebagai pengalaman pengguna, orientasi pada menstruktur masyarakat, dan orientasi pada akademik rasionalisme. Bahagian C pula adalah konsepsi pengajaran, yang terdapat lima komponen, iaitu: penyampaian

pengetahuan, persediaan peperiksaan, pengembangan keupayaan, promosi sikap, dan melaksanakan bimbingan. Bahagian B dan C menggunakan skala Likert 5 mata, iaitu: 1 = sangat tidak setuju (STS); 2 = tidak setuju (TS); 3 = tidak pasti (TP); 4 = setuju (S); dan 5 = sangat setuju (SS) bagi mengukur dimensi-dimensi dalam kajian ini (Kerlinger & Pedhazur, 1973).

DAPATAN KAJIAN

Bagi menguji perbezaan orientasi kurikulum pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar, hipotesis (Ho1) yang digunakan ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai orientasi kurikulum pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP).

Analisis ANOVA Satu Hala bagi orientasi kurikulum pengajaran Fizik dalam jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan orientasi kurikulum pengajaran Fizik berdasarkan tiga kategori pengalaman mengajar, iaitu: $F(2.98) = 4.074$, $p = 0.020$. Keputusan menunjukkan bahawa aras signifikan 0.020, kurang daripada nilai signifikan, iaitu $\alpha < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa hipotesis (Ho1) ditolak. Maknanya ialah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap orientasi kurikulum pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar.

Bagi menguji perbezaan konsepsi pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar, hipotesis (Ho2) yang digunakan ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai konsepsi pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP).

Analisis ANOVA Satu Hala bagi konsepsi pengajaran Fizik dalam jadual 2 menunjukkan bahawa hipotesis (Ho2) ditolak berasaskan tiga kategori pengalaman mengajar, iaitu: $F(2.98) = 4.074$, $p = 0.001$. Keputusan menunjukkan bahawa aras signifikan ialah 0.001, kurang daripada nilai signifikan, iaitu $\alpha < 0.05$. Ini bermakna bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai tahap konsepsi pengajaran Fizik berasaskan pengalaman mengajar.

Jadual 1:
Analisis ANOVA Mengikut Orientasi Kurikulum

Konstruk	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig
<i>Orientasi Kurikulum:</i>					
Diantara Kumpulan	0.610	2	0.305	4.074	0.020
Dalam Kumpulan	7.340	98	0.075		
Jumlah	7.950	100			

*Signifikan pada aras $p = 0.05$.

Jadual 2:
Analisis ANOVA Mengikut Konsepsi Pengajaran

Konstruk	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig
<i>Konsepsi Pengajaran:</i>					
Diantara Kumpulan	1.103	2	0.551	7.708	0.001
Dalam Kumpulan	7.012	98	0.072		
Jumlah	8.115	100			

*Signifikan pada aras $p = 0.05$.

Jadual 3:
Analisis ANOVA Mengikut Orientasi Kurikulum

Konstruk	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig
<i>Orientasi Kurikulum:</i>					
Diantara Kumpulan	0.053	2	0.027	0.331	0.719
Dalam Kumpulan	7.897	98	0.081		
Jumlah	7.950	100			

*Signifikan pada aras $p = 0.05$.

Jadual 4:
Analisis ANOVA Mengikut Konsepsi Pengajaran

Konstruk	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig
<i>Konsepsi Pengajaran:</i>					
Diantara Kumpulan	0.196	2	0.098	1.211	0.302
Dalam Kumpulan	7.919	98	0.081		
Jumlah	8.115	100			

*Signifikan pada aras $p = 0.05$.

Bagi menguji perbezaan konsepsi pengajaran Fizik berdasarkan kelayakan akademik, hipotesis (Ho3) yang digunakan ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan orientasi kurikulum pengajaran Fizik berdasarkan kelayakan akademik dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP).

Analisis ANOVA Satu Hala bagi orientasi kurikulum pengajaran Fizik ditunjukkan dalam jadual 3, iaitu tidak terdapat perbezaan orientasi kurikulum berdasarkan tiga kategori kelayakan akademik, iaitu: F

(2.98) = 0.331, $p = 0.719$. Keputusan kajian menunjukkan bahawa hipotesis (Ho3) diterima dengan aras signifikan ialah 0.719, lebih daripada nilai signifikan, iaitu $\alpha < 0.05$. Ini bermakna bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai tahap orientasi kurikulum pengajaran Fizik berdasarkan kelayakan akademik.

Bagi menguji perbezaan konsepsi pengajaran Fizik berdasarkan kelayakan akademik, hipotesis (Ho4) yang digunakan ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai konsepsi pengajaran

Fizik berasaskan kelayakan akademik dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP).

Analisis ANOVA Satu Hala bagi konsepsi pengajaran Fizik nampak dalam jadual 4. Keadaan ini menunjukkan bahawa hipotesis (H_04) diterima berasaskan tiga kategori kelulusan akademik, iaitu: $F(2,98) = 1.211$, $p = 0.302$. Ini bermakna bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai konsepsi pengajaran Fizik berasaskan kelayakan akademik dalam KTSP.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menumpukan perbincangan dan berhubung-kait dengan teori kajian yang telah terhasil sebelum ini. Perbincangan ini akan menumpukan aspek keselarasan dan perbezaan dapatan kajian dengan teori sedia ada bagi menilai, serta implikasi dapatan kajian terhadap perkembangan pendidikan di Indonesia, khususnya pendidikan menengah di daerah Kota Makassar, Sulawesi Selatan. Secara keseluruhannya, 101 guru Fizik yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan bahawa dapatan orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran menunjukkan perbezaan yang signifikan berasaskan pengalaman mengajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perbandingan tahap orientasi kurikulum berasaskan pengalaman mengajar, skor min pengalaman mengajar lebih 15 tahun adalah yang paling tinggi, diikuti pengalaman mengajar 6-10 tahun, dan 11-15 tahun mempunyai skor yang paling rendah. Dalam perbandingan tahap konsepsi pengajaran berasaskan pengalaman mengajar lebih 15 tahun adalah mempunyai skor yang paling tinggi, diikuti pengalaman mengajar 11-15 tahun, dan akhir sekali pengalaman mengajar 6-10 tahun didapati mempunyai skor yang paling rendah.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kelayakan akademik guru Fizik SMAN (Sekolah Menengah Atas Negeri) di Makassar, Sulawesi Selatan majoriti berada pada Sarjana dan Master, tiada guru Fizik yang memiliki ijazah peringkat Doktor. Berasaskan program pemerintah Indonesia di bidang pendidikan,

kelayakan akademik guru di SMA serendah-rendahnya memiliki ijazah Diploma empat (D-IV) atau ijazah Sarjana. Oleh itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masih terdapat guru Fizik yang perlu melanjutkan pendidikannya pada peringkat ijazah Sarjana.

Seterusnya, kajian yang dilakukan di luar negara juga menunjukkan bahawa guru yang berkualiti dapat mempengaruhi perkembangan dan pencapaian murid dalam pelajaran. J. Hattie (2003), dalam kajiannya, melihat perbezaan antara guru pakar dengan guru baru; dan guru berpengalaman mengajar membuktikan bahawa guru merupakan faktor kedua utama yang mempengaruhi perbezaan dalam pencapaian murid selepas faktor diri murid itu sendiri.

Manakala kajian lain juga menunjukkan bahawa guru yang berpengalaman mengajar lebih dari 5 tahun lebih tinggi berbanding dengan guru yang kurang dari 5 tahun (Kerlinger & Lee, 2000). L. Looney (2003) juga cenderung berpihak kepada pengalaman mengajar yang mempengaruhi keberkesanan guru. Menerusi kajiannya, L. Looney mendapati bahawa memang wujud hubungan yang signifikan, tetapi lemah antara pengalaman dengan keberkesanan guru (Looney, 2003).

Akhir sekali, orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran bagi guru perlu terus dibangunkan untuk menambah baik prestasi murid. Dengan orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran yang semakin baik, peningkatan pencapaian murid boleh menjadi semakin meningkat juga. Orientasi kurikulum dan konsepsi pengajaran bagi guru perlu dipandang sebagai penyediaan yang harus sedia ada dan terus dibangunkan dari masa ke masa, kerana ianya harus dijalankan mengikut perkembangan teknologi dalam semua bidang kehidupan manusia, termasuk dalam bidang pendidikan.

Bibliografi

- Abdul Gafar, Mohd Najib. (2009). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Ary, D. et al. (2009). *Introduction to Research in Education*. Fort Wort: Holt, Rinehart, and Winston Inc.
- BSNP [Badan Standard Nasional Pendidikan]. (2006a). *Penyusunan KTSP Kabupaten/Kota: Panduan Penyusunan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan Jenjang Pendidikan Dasar dan Menengah*. Jakarta: Depdiknas RI [Departemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia].
- BSNP [Badan Standard Nasional Pendidikan]. (2006b). *Standard Isi*. Jakarta: Badan Standard Nasional Pendidikan.
- BSNP [Badan Standard Nasional Pendidikan]. (2010). *Laporan Hasil Ujian Nasional*. Jakarta: Badan Standard Nasional Pendidikan.
- Bybee, R.W. & I.D. Walch. (1972). "The Third Force: Humanistic Psychology and Science Education" dalam *The Science Teacher*, 39, ms.18-22.
- Cameron, K.S., J.E. Dutton & R.E. Quinn. (2003). *Positive Organizational Culture: Based on the Competing Values Framework*. MA: Addison-Walley.
- Champion, D.J. (1991). *Basic Statistik for Social Research*. CO: Macmillan Publishing, Inc.
- Cheung, D. & H.W. Wong. (2000). "Measuring Teachers Meta-Orientations to Curriculum Application of Hierarchical Confirmatory Factor Analysis" dalam *Journal of Experimental Education*, 68(2), ms.225-248.
- Cheung, D. & H.W. Wong. (2002). "Measuring Teachers Beliefs about Alternative Curriculum Designs" dalam *The Curriculum Journal*, 13(2), ms.225-248.
- Chua, Y.P. (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan: Ujian Univariat dan Multivariate*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New York: Person Education Internasional.
- Criswell, J.R. (1989). "Rethinking Micro-Computer Instruction as Part of Teacher Education Reform" dalam *Educational Technology*, 23(11), ms.40-43.
- Cunningham, R., J. Johnson & S. Carlson. (1992). "Curriculum Orientations of Home Economic Teachers". Paper presented at the American Vocational Association Convention, St. Louis, Missouri.
- Disdik [Dinas Pendidikan] Kota Makassar. (2011). *Hasil Ujian Nasional Mata Pelajaran Fisika*. Makassar: Dinas Pendidikan Kota Makassar.
- Dreyfus, A. (1987). "The Validation of Developers' Assumptions about a Technology- Minded Biological Curriculum" dalam *Research in Science & Technological Education*, 5(2), ms.173-183.
- Eisner, E. (1992). "Curriculum Ideologies" dalam P. Jackson [ed]. *Handbook of Research on Curriculum*. New York: Macmillan, ms.302-326.
- Eisner, E. (2002). *The Educational Imagination: On the Design and Evaluation of School Programs*. Upper Saddle River, New Jersey: Marrill Prentice Hall, 3rd edition.
- Eisner, E.W. & E. Vallance. (1971). *Conflicting Conceptions of Curriculum*. California: Stanford University.
- Finley, F.N. (1983). "Science Process" dalam *Journal of Research in Science Teaching*, 20(1), ms.47-54.
- Fraenkel, J.R. & N.E. Wallen. (1996). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill Inc., 3th edition.
- Gao, L. & L. Watkins. (2002). "Conceptions of Teaching Held by School Science Teachers in P.R. of China" dalam *Journal Educational Science*, 24(1), ms.61-79.
- Gay, L.R. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- George, D.A. (1981). *An Engineer's View of Science Education*. Ottawa: Science Council of Canada.
- Gow, L. & D. Kember. (1993). "Conceptions of Teaching and Their Relation to Student Learning" dalam *Bristish Journal of Educational Psychology*, 63, ms.20-23.
- Hattie, J. (2003). "Teachers Make a Difference What is the Research Evidence". Tersedia [online] juga dalam www.docstoc.com/docs/2251792/Teachers-Make-a-Difference [diakses di Kota Makassar, Indonesia: 15 Januari 2014].
- Idid, Syed Arabi. (1998). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jenkins, S.B. (2009). "Measuring Teacher Beliefs about Curriculum Orientations Using the Modified-Curriculum Orientations Inventory" dalam *Curriculum Journal*, 20(2), ms.103-120.
- Kember, D. (1997). "A Reconceptualisation of the Research into University Academics Conceptions of Teaching" dalam *Learning and Instruction*, 7(3), ms.255-275.
- Kember, D. & L. Gow. (1994). "Orientations to Teaching and Their Effect on the Quality of Student Learning" dalam *Journal of Higher Education*, 65(1), ms.58-74.
- Kerlinger, F.N. & E.J. Pedhazur. (1973). *Multiple Regression in Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart, and Winston, Inc.
- Kerlinger, F.N. & H.B. Lee. (2000). *Foundations of Behavioral Research*. For Worth, Texas: Thompson Learning, 4th edition.
- King, D. & J. Menke. (1992). "Providing the Instructors Note: An Effective Additional to Student Note Taking" dalam *Educational Psychologist*, 20, ms.33-39.
- Klein, M.F. (1986). "Alternative Curriculum: Conceptions and Designs" dalam *Theory into Practice*, 21, ms.31-35.
- Land, M.L. (1987). "Vagueness and Clarity" dalam R. Dunkin [ed]. *International Encyclopedia of Teaching and Teacher Education*. New York: Pergamon.
- Looney, L. (2003). "Understanding Teachers' Efficacy Beliefs: The Role of Professional Community".

- Unpublished Doctoral Dissertation*. Maryland, USA: University of Maryland.
- Majid Konting, Mohd. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pratt, D.D. (1992). "Conceptions of Teaching" dalam *Adult Education Quarterly*, 42(4), ms.203-220.
- Prosser, M., K. Trigwell & P. Taylor. (1994). "A Phenomenographic Study on Academic Conceptions of Science Learning and Teaching" dalam *Learning and Instruction*, 4, ms.217-231.
- Rutherford, F.J. (1972). "A Humanistic Approach to Science Teaching" dalam *NASSP Bulletin*, 56, ms.53-62.
- Slavin, R. (1987). "A Theory of School and Classroom Organization" dalam *Educational Psychologist*, 22, ms.89-108.
- Slavin, R. (1994). "A Theory of School and Classroom Organization" dalam R. Slavin [ed]. *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Sugiono. (2006). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R & D*. Bandung: Penerbit Alfabeta.
- Trigwell, K. & M. Prosser. (1991). "Improving the Quality of Student Learning: The Influence of Learning" dalam *Higher Education*, 22(3), ms.251-266.
- Trigwell, K., M. Prosser & F. Waterhouse. (1999). "Relation between Teacher' Approaches to Teaching and Student' Approaches to Learning" dalam *Higher Education*, 37(1), ms.57-70.
- Tucman, B.W. (1998). *Conducting Educational Research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Tyler, R. (1950). *Basic Principles of Curriculum and Instruction*. Chicago: University of Chicago.